

Y002009/A08
0000254636

Belia Obor Pembangunan Masa Depan Negara

Pelaksanaan pelan tindakan untuk memantau kejayaan program pembangunan belia nasional

Oleh **SHAMSUL AMRI BAHARUDDIN**



Belia harapan masa depan negara.

Belia yang berumur antara 15 dengan 40 tahun, terlalu dibebankan dengan konotasi dan persepsi negatif. Golongan belia dikaitkan dengan pelbagai masalah sosial, termasuk kegiatan jenayah, seperti masalah salah guna dadah, melepak, menculik, merompak, dan merogol.

Wajah hitam yang kita lukis tentang belia kita amat malang kerana tidak semua belia yang berkelakuan

buruk. Mungkin hanya segelintir daripada mereka yang terlibat tetapi orang ramai merumuskan semua belia begitu, bak kata pepatah "seekor kerbau membawa lumpur habis semuanya terpalit."

Peranan media massa yang sering menggembir-gemburkan berlipat ganda akan "kesalahan" belia juga tidak membantu memperbaiki wajah dan citra belia di negara kita. Malah kesalahan mereka sering disensasikan. Belia menjadi bahan sensasi.

Dari satu sudut, golongan belia boleh dianggap sebagai "mangsa kemalangan keadaan". Dari segi bilangan penduduk di negara ini, kira-kira 40 peratus daripada jumlah semua penduduk terdiri daripada golongan belia.

Hal ini bermakna, dari sudut kebarangkalian, seorang belia terlibat dalam sesuatu masalah sosial atau jenayah ternyata jauh lebih tinggi daripada rakyat Malaysia dalam kategori kanak-kanak (0-15 tahun), atau dewasa (40-60 tahun), atau tua (60 tahun ke atas).

Inilah yang dimaksudkan belia menghadapi masalah kemalangan keadaan kerana setiap 10 kesalahan atau masalah, empat

daripadanya melibatkan belia. Kekerapan statistik ini membuat imej buruk belia itu, dianggap oleh sesetengah pihak, seolah-olah satu ciri yang kekal dan semula jadi kepada mereka.

Sebenarnya kita tidak akan ke mana-mana kalau kita terus menuding jari dan menyalahkan belia dan melihat mereka semata-mata sebagai satu golongan yang bermasalah. Ini adalah satu pendekatan ne-

Jeling Sejenang

gatif yang selama ini ternyata tidak membawa sebarang kebaikan kepada belia atau kepada pihak yang ingin membantu belia, termasuk pihak kerajaan.

Segala usaha kerajaan, semenjak merdeka, yang dirancang dan dilaksanakan melalui Kementerian Belia dan Sukan (KBS) yang dimandatkan menjaga hal ehwal belia, bermula dengan pendekatan negatif berkenaan. Maka segala langkah atau program berkaitan dengan belia adalah bersifat preskriptif dan pencapaiannya cukup terbatas.

Dalam konteks ini belia dianggap pesakit yang berjumpa doktor (pihak kerajaan) untuk mendapat ubat semata-mata, kerana kedua-dua pihak, si pesakit (belia) dan doktor menerima hakikat bahawa belia itu berpenyakit. Apa penyakitnya itu, kita tidak jelas.

Lalu kita mencarilah pelbagai alasan, bermula daripada keluarga, rakan sebaya, TV, suasana sekolah, suasana di rumah dan akhirnya disalahkan kaumnya. Maka muncul pelbagai stereotaip kaum yang memburukkan belia masing-masing; ganas, kuat muslihat, dan samseng bagi belia Melayu, Cina, dan India.

Perlulah diubah persepsi negatif terhadap belia Malaysia. Perlu dianjurkan pandangan bahawa belia kita merupakan suatu kelompok sosial atau golongan yang cukup penting kepada pembangunan semasa negara dan juga untuk masa depan. Sumbangan belia, kelompok terbesar penduduk Malaysia, merupakan sumbangan yang paling kritikal dalam pembangunan masa depan negara. Justeru, belia ialah pimpinan pelapis yang perlu dipupuk potensinya, satu kelompok sumber manusia yang potensi produktifnya cukup tinggi, golongan pewaris budaya dan pemegang amanah bangsa dan penjulung obor pembangunan masa depan negara

Oleh itu, belia ialah rakan, bukan lawan. Belia ialah kelompok yang perlu diasuh, bukan dijadikan musuh. Belia ialah tempat kita meletak harapan masa depan, bukan beban.

Kita perlu mengajak belia bersama-sama duduk semeja bertukar dan mencambahkan buah fikiran, mencari jalan, membina ikhtiar, dan menyusun langkah untuk kepentingan bersama. Interaksi mesra tetapi bermakna antara belia dengan semua pemimpin masyarakat adalah penting dan perlu dilaksanakan berterusan dengan membina jambatan kegiatan yang lebih kukuh.

Oleh itu sudah sampai masa untuk belia diajak berunding dan diberi ruang untuk membuat keputusan tentang soal-soal penting kepada masyarakat dan negara. Belia bukan lagi pemerhati kaku di pinggir gelanggang. Belia ialah *stakeholder* utama, pemangkin kemakmuran masyarakat dan negara.

Inilah yang telah dilakukan baru-baru ini. Pim-

pinan belia daripada semua golongan, kelas, kaum, jantina dan wilayah telah diundang duduk bersama-sama di meja bulat dengan pegawai kerajaan, ahli politik, ahli akademik, ahli profesional, dan aktivis sosial untuk merancang dan merangka sebuah pelan tindakan pembangunan belia nasional.

Ternyata apa yang terdapat dalam pelan tindakan ini ialah gabungan kegiatan pembangunan belia yang telah dijalankan dengan beberapa pengisian baru. Paduan yang lama dan baru ini diharapkan dapat membawa kejayaan yang diidamkan.

Untuk melaksanakan setiap teras ini, prasarana kewangan, kepakaran, infrastruktur dan institusi telah disediakan. Gabungan prasarana ini dijangkakan membawa impak bukan sahaja untuk kumpulan belia yang berpersatuan bahkan juga golongan belia yang tidak berpersatuan. Dengan menggunakan pendekatan yang lebih inklusif sifatnya, iaitu, dengan mengarusperdanakan kegiatan kedua-dua golongan belia itu – berpersatuan dan tidak berpersatuan – pelan tindakan ini dijangka dapat memenuhi keperluan suatu khalayak belia yang lebih besar dengan hasil yang lebih bermakna.

Cabaran paling besar dalam pelaksanaan pelan tindakan yang disediakan ini adalah untuk memantau kejayaan setiap program yang dibina di bawah setiap teras berkenaan. Tidak kurang pentingnya adalah untuk memastikan penglibatan luas para belia daripada semua lapisan yang menjadi sasaran. Kesinambungan kesemua usaha ini juga menjadi faktor yang sangat penting, supaya pelan ini tidak dianggap sebagai suatu usaha "melepas batuk di tangga".

Meskipun demikian, kita tidak juga harus takut pada kegagalan yang mesti dianggap sebagai pengajaran. Justeru, kita akan terus mengesan punca kegagalan itu untuk mencari jalan mentransformasikannya menjadi kejayaan di hari muka.

Belia idaman ialah belia yang bersifat cemerlang, gemilang, dan terbilang. Pelan tindakan ini adalah suatu usaha positif dan bersifat proaktif yang terbaru untuk mencapai sesuatu yang diidamkan.

Bijak pandai kita pernah berkata "kalau tak pecah ruyung manakan dapat sagunya". Kalau kita tidak ada usaha mewujudkan pelan tindakan seperti ini, dan dilaksanakan pula dengan berani dan penuh dedikasi kita tidak akan mampu melahirkan belia Malaysia yang cemerlang, gemilang, dan terbilang, seperti yang kita idamkan.

Ayuh, "perahu sudah di air, pengayuh sudah di tangan", marilah sama-sama kita berdayung laju ke muara kejayaan, pasti nanti kalau kita bersungguh-sungguh "sekali kita berkayuh, dua tiga pulau terlangsung", yakni, dengan satu usaha ini berbagai-bagai kejayaan akan dicapai.